

30 AUG 1997

Mahathir-BSKL

BSKL AKAN PULIH DALAM TEMPOH SEMINGGU, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dijangka pulih semula dalam tempoh seminggu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Mungkin Isnin dan selepasnya," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan perhimpunan agung ke-44 MCA di Wisma MCA di sini.

Dalam gesaannya kepada pelabur tempatan untuk menyokong pasaran saham, beliau berkata: "Kini sudah sampai masanya untuk mereka memasuki pasaran."

Jika mereka memasuki pasaran sekarang, katanya, "mereka akan membeli saham pada paras paling rendah."

Dengan mengambil contoh saham Maybank, Dr Mahathir berkata bank perdagangan terbesar di negara ini yang mencatatkan keuntungan baik baru-baru ini, "akan mampu memberi pulangan dividen yang sangat baik apabila pelabur-pelabur membeli saham pada paras murah."

Apabila ditanya mengenai pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun ini, beliau berkata: "kita akan mencapai pertumbuhan 8.0 peratus tetapi dari segi ringgit."

Bagaimanapun, dari segi mata wang asing dan per kapita, "pertumbuhan akan menurun", katanya merujuk pada kelemahan ringgit baru-baru ini.

Sungguhpun Dr Mahathir berkata sejumlah RM450 bilion telah terhapus dari segi permodalan pasaran di BSKL sejak awal tahun ini, beliau yakin bursa tempatan akan pulih "dalam seminggu."

Perdana Menteri berkata pasaran saham tempatan secara fundamental masih teguh tetapi dimanipulasikan oleh pelabur asing.

"Kami percayakan spekulasi, malah jualan jangka singkat...dan apabila pasaran teramat spekulatif, seseorang pelabur hanya meneka arah haluan pergerakan harga.

"Tetapi bila ada orang memasuki pasaran dengan jumlah dana yang banyak, mereka adalah orang yang boleh menentukan sekiranya harga-harga saham naik atau turun, dan itu bukannya spekulasi lagi tetapi manipulasi."

Dr Mahathir berkata ini adalah sebabnya mengapa institusi seperti Permodalan Nasional Bhd dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, buat jangka masa yang lama, tidak dibenarkan menjadi peserta besar di bursa tempatan.

Bagaimanapun, jelas beliau kerajaan, dalam usaha menyekat pihak manipulasi daripada menggugat pasaran, kini membenarkan institusi-institusi seumpama ini dengan segera meningkatkan harga saham di pasaran terbuka.

"Walaupun mereka membeli hanya dengan jumlah sedikit pada lima peratus, ia tetap memberi kesan besar kepada pemulihan pasaran," katanya.

Pasaran saham tempatan mengalami kejatuhan sejak beberapa minggu kebelakangan ini dan aliran tidak menentu ringgit juga menjejaskan sentimen terhadap ekuiti.

Apabila ditanya sama ada Malaysia masih menyokong pensejagatan dan liberalisasi, Dr Mahathir berkata: "Pensejagatan dan peralihan sempadan adalah baik, tetapi walaupun dengan dunia tanpa sempadan, ia juga mesti mempunyai undang-undang dan peraturan.

"Kita tidak boleh menyalahgunakan kebebasan yang diberikan untuk melemahkan negara-negara lemah dan miskin serta golongan miskin.

"(George) Soros kini semakin kaya kerana penduduk yang miskin terus menjadi miskin," katanya sambil menegaskan bahawa wang golongan miskin itu kini dinikmati oleh Soros dan pasukannya.

Mengenai pendapat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) terhadap situasi semasa Malaysia yang sepatutnya dipertimbangkan sebagai "panggilan kejutan"

untuk memperlahankan projek-projek besar, Dr Mahathir berkata: "Itulah perkara yang sering diperkatakan oleh IMF setiap masa.

"Oleh kerana kita tidak memperlahankan projek-projek terbabit, mereka kini gembira kerana tindakan pelabur-pelabur asing menunjukkan kononnya pendapat mereka adalah tepat."

Tanpa pelabur asing bergiat dalam pasaran tempatan, katanya kerajaan bertindak dengan sewajarnya dalam menghasilkan peluang pekerjaan serta kemakmuran untuk negara ini.

Merujuk kes Thailand, yang baru-baru ini meminjam AS\$16.7 bilion (RM48.26 bilion) dari IMF, sebagai usaha memulihkan ekonominya, Dr Mahathir berkata institusi antarabangsa tidaklah begitu membantu.

"Nilai baht masih merosot dan ekonomi Thailand masih teruk selepas meminjam dari IMF.

"Jadi mengapa mesti meminjam dari IMF sekiranya ia tidak dapat membantu langsung?" tegas beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia mungkin terpaksa memperlahankan importnya yang akan membuat mereka (IMF) gembira" tetapi negara-negara pengeksport terjejas kerana Malaysia tidak akan membeli barangan mereka.

Mengenai beberapa projek prasarana di negara ini, Perdana Menteri u berkata: "Ia tidaklah sehebat mana tetapi projek-projek itu akan diteruskan." -- BERNAMA

DVS MA RON